

## **DASAR WARGA SIHAT: ISU PSIKOLOGI FAKTOR REMAJA SEKOLAH MEROKOK**

Sufean Russin Mariani Md Nor

### **ABSTRACT**

*In line with the National Social Policy and Healthy Lifestyle Campaign, this paper presents the psychological aspect of teenage smoking among secondary school students in Malaysia. Based on several theories of psychology and social deviance, a study involving 7,499 teenagers from secondary schools was carried out all over Peninsular Malaysia. The findings revealed that teenagers smoked to alleviate boredom, relieve stress, and as a result of sociocultural influences. Advertising and peer pressure were not significant factors in teenage smoking. The findings also clarified several negative public perceptions towards teenagers who smoked.*

### **PENGENALAN**

Fenomena masyarakat merokok merupakan tabiat manusia di mana kewujudannya boleh ditafsir dari pelbagai aspek, antaranya aspek sosiobudaya, kelumrahan, psikologi, pengaruh iklan, dan aspek pengaruh sosial. Dari aspek sosiobudaya, masyarakat menjadikan kelakuan merokok sebagai satu cara hidup, iaitu merokok dijadikan ukuran status kedewasaan, keranggian, kematangan, dan kesediaan memikul tanggungjawab di kalangan orang lelaki khususnya. Sebagai fungsi sosial, merokok ialah cara membina kerapatan persahabatan, malah rokok digunakan sebagai pemula bicara dan untuk merencanakan perbualan dalam kumpulan. Dari aspek kelumrahan, kelakuan merokok ialah gejala yang lumrah dalam masyarakat dan dianggap perkara biasa ditemui. Kelakuan itu pula tidak dianggap salah dari segi norma dan moral, dan ianya tidak pula dipandang sebagai perkara ganjil dan sumbang - kecuali bagi wanita yang merokok yang dianggap bukan wanita tulen.

Dari segi psikologi, merokok merupakan cara untuk meredakan kepenatan bekerja, untuk menenangkan perasaan. Waktu merokok boleh dianggap sebagai waktu inkubasi di mana perokok menggunakan waktu ini untuk berfikir bagi menyelesaikan masalah. Ada juga orang merokok untuk menghilangkan rasa mengantuk bila berjaga malam, dan ada juga orang menyatakan merokok boleh mencetuskan inspirasi dan meningkatkan keupayaan berfikir. Ringkasnya dari aspek psikologi, merokok dianggap dapat memenuhi keperluan asas fisiologi manusia serta keperluan sekunder psikologi yang lain, seperti untuk mendapatkan pengiktirafan dan keselamatan.

Dari segi pengaruh iklan, tabiatmerokok boleh dicetuskan oleh imej yang dipaparkan oleh iklan rokok seperti imej kebebasan, imej kemesraan, imej status, imej berani, imej *macho*, imej kepantasan lumba kereta, dan imej keseronokan. Imej-imej ini dikaitkan dengan jenama rokok tertentu yang menarik perhatian golongan muda. Imej-imej ini

disampaikan melalui papan iklan, poster rokok di kedai-kedai dan melalui televisyen. Sesuai dengan ciri-ciri remaja yang sedang mencari identiti, merokok merupakan cara untuk meniru gaya hero atau heroin yang mereka gemari.

Dan dari segi pengaruh sosial pula, merokok boleh didorong oleh desakan rakan sebaya atau orang di sekitar seperti di pub dan pusat hiburan. Dalam perkumpulan rakan sebaya, seseorang remaja diterima jika mereka boleh mempunyai identiti yang sama. Sebagai contoh, dalam sesuatu perkumpulan mereka perlu berani merokok; jika tidak mereka dipulaukan oleh rakan-rakan. Dengan kepelbagaian perbezaan individu remaja ini, didapati mereka merokok dengan berbagai-bagai cara menyalakan api rokok, cara menyedut asap rokok, dan cara mengenakan rasa rokok. Mereka belajar menikmati rokok dengan bertukar-tukar idea dan maklumat. Selain itu, kelumrahan orang merokok dalam komuniti menjadi mekanisme pembelaan diri mereka. Kelumrahan begini boleh mempengaruhi golongan muda untuk merokok atas alasan bahawa ramai orang di sekitar yang merokok, dan oleh itu tidaklah salah untuk mereka merokok.

## KONSEP

### Psikologi Merokok

Remaja tidak terus menjadi perokok serius atau terus menjadi ketagih pada rokok. Terdapat fasa perkembangan merokok, iaitu fasa pemerhatian, fasa induksi, fasa peneguhan (*reirforcement*), fasa menikmati, fasa terbiasa, dan fasa ketagihan.

Dalam fasa pemerhatian, kanak-kanak dan remaja memerhati tabiat merokok yang wujud dalam masyarakat, iaitu dalam kes Malaysia, adalah senario lumrah untuk melihat orang lelaki dewasa merokok. Pada persepsi sebahagian kanak-kanak dan remaja, merokok mempunyai nikmat yang tersendiri yang menyebabkan orang membeli rokok dan menghisapnya. Kajian menunjukkan kanak-kanak mula mencuba menghisap rokok setelah memerhati individu dewasa merokok (BATCo, 1999). Tidak menghairankan jika mereka didapati curi-curi hisap rokok (rokok daun atau puntung rokok).

Terdapat sebahagian kanak-kanak dan remaja yang menyatakan merokok itu satu perbuatan tidak berfaedah, iaitu membazir wang untuk menyedut asap daun tembakau kering dan penyedutan asap yang tidak mengandungi apa-apa zat bagi kesihatan tubuh badan. Justeru itu, peringkat pemerhatian merupakan peringkat memerhati gelagat orang merokok dengan berbagai-bagai persoalan dan andaian tentang sebab, faedah, dan keburukan merokok.

Pada peringkat induksi, sesetengah remaja cuba-cuba merokok atas beberapa sebab: untuk menyahut cabaran kumpulan rakan sebaya yang merokok; untuk menunjukkan mereka berani; untuk meniru cara gaya model peranan dalam wayang; untuk menjadi popular sebagai hero; dan untuk mendapatkan imej seperti dalam iklan. Pada peringkat ini, seseorang remaja merokok untuk suka-suka (*just for fun*) sahaja.

Pada peringkat peneguhan, perokok awal berasa selesa semasa merokok kerana sudah dipandang cekap menyedut dan mengeluarkan asap rokok, dan mereka dipuji sebagai sudah mahir dan kelihatan matang. Sumber peneguhan datang dari rakan dan iklan. Ada perokok remaja menunjukkan gaya menghisap rokok jenama seperti dalam iklan, atau mereka hubungkan imej diri mereka seperti dalam iklan, iaitu contohnya imej nyaman (*cool!*), imej berge1ora, dan imej hebat dan pantas.

Iklan-iklan memberi tumpuan kepada konsep-konsep tertentu dengan tujuan untuk membina kesetiaan jenama. Walau bagaimanapun, jika amaran dan hukuman dikenakan kepada remaja dalam peringkat ini, maka peneguhan bertukar kepada ketakutan dan tabiat merokok boleh dilupakan atau ditanggihkan. Merokok di kalangan remaja juga didapati boleh mengukuhkan persahabatan mereka (BATEo, 1999).

Pada peringkat penikmatan, perokok remaja mempunyai kebolehan merasa dan membezakan keunikan pelbagai jenama rokok. Deria rasa mereka sudah peka kepada nikmat asap daripada rokok yang berbeza-beza, dan mereka memilih sesuatu jenama menurut cita rasa mereka. Ada yang mahukan jenis kretek sahaja, ada yang mahu hanya jenis menthol sahaja, ada yang mahu tanpa penapis sahaja, dan ada yang mahu tembakau paip sahaja. Adalah sesuatu kehilangan atau tidak kena jika mereka tidak menghisap rokok pada waktu-waktu tertentu, seperti selepas minum kopi pagi dan selepas menikmati makanan panas dan pedas.

Pada peringkat terlazim (menjadi tabiat), perokok remaja menghisap rokok pada kadar tertentu, contohnya pada kadar satu pek 10 batang sehari, atau satu pek 20 batang sehari, atau dua pek 20 batang sehari, menurut keadaan dan keperluan diri individu. Ada yang menghisap rokok begitu intensif dan kemudian membuang tabiat merokok selepas beberapa bulan, dan ada selepas dua atau tiga tahun selepas mendapati menghisap rokok adalah perbuatan tidak berfaedah.

Amalan kebiasaan merokok untuk beberapa tahun tanpa henti boleh menjadi satu ketagihan. Badan sudah serasi dengan bahan nikotin dalam rokok. Pada peringkat ketagihan, seseorang perokok boleh menunjukkan tanda-tanda tidak normal jika mereka tidak mendapat rokok, seperti berpeluh, tangan ketar, cepat marah, rasa gelisah, sentiasa mahu makan, dan tidak boleh beri tumpuan kepada kerja. Jika perokok berpuasa, mereka sentiasa mahu tidur, dan perkara utama yang diinginkan sangat selepas berbuka puasa ialah menghisap rokok sepuas-puasnya. Mereka rasa berpinar dan bertenaga semula. Pada peringkat ketagihan, seseorang perokok berasa amat sukar untuk berhenti merokok, walaupun dalam keadaan tidak sihat.

Demikianlah peringkat perkembangan merokok yang dapat dikesan melalui pengalaman ramai perokok yang lanjut usia. Rajah 1 meringkaskan peringkatperkembangan merokok yang telah dibincangkan. Rajah ini telah diperbaiki dan dimajukan daripada rumusan Flay dan rakan (1983) yang hanya memberikan peringkat-peringkat sebagai fasa satu hingga fasa lima.

Daripada Rajah 1 berkenaan, didapati bahawa terdapat interaksi pelbagai faktor dan sebab dalam fasa perkembangan menjadi perokok. Antara yang ditegaskan ialah faktor personaliti individu, faktor persekitaran sosial, faktor iklan, dan faktor rakan. Faktor personaliti meliputi sifat berani mengambil risiko, rendah harga diri, bangga, dan unik. Faktor persekitaran menyentuh suasana yang mendorong seseorang merokok seperti kelumrahan (*prevalence*) tabiat merokok dalam komuniti, temp at hiburan, dan budaya tempat kerja.

Selain daripada model fasa, Stem dan rakan (1987) menganjurkan satu model yang lebih ringkas iaitu fasa perubahan yang mengandungi tiga tahap iaitu:

- i. Fasa prakeinginan - melihat orang lain merokok
- ii. Fasa buat keputusan - berfikir, menilai, dan keputusan untuk merokok
- iii. Fasa penerusan - merokok sebagai tabiat rutin dan peningkatan pengambilan rokok

Model ringkas ini tidaklah lagi sesuai untuk menjelaskan kerumitan interaksi sebab dan faktor dalam proses menjadi perokok, dan ia tidak mengambil kira konteks sosiobudaya, peringkat umur, dan tempat. Model ini diwujudkan hasil dari pengubahsuaian oleh penulis pertama dari model Flay et al. (1983).

Terdapat beberapa teori psikologi tentang tabiat merokok iaitu teori model peranan (Bandura), teori pelaziman tingkah laku (Skinner), dan teori psikoanalitik (Freud). Teori model peranan menyatakan bahawa individu boleh mempelajari sesuatu melalui pemerhatian dan peniruan dari persekitaran. Teori ini menerangkan bahawa remaja mudah meniru tingkah laku orang yang signifikan dalam proses membina identiti mereka. Media massa seperti televisyen, majalah, akhbar, dan filem memaparkan pelbagai imej dan remaja memilih yang mana sesuai dengan personaliti yang ingin mereka bentuk dalam diri. Imej-imej yang dipaparkan oleh iklan rokok biasanya menggalakkan nilai bebas, nilai lasak, nilai nyaman, nilai mesra, nilai status tinggi, dan nilai keunggulan. Watak-watak utama dalam iklan menjadi teladan dan ikutan remaja dari segi pakaian, fesyen rambut, dan jenama rokok yang dihisap.


Menghisap rokok pada segelintir individu boleh membuatkan mereka berasa tenang dan dapat mengatasi tekanan serta menambahkan keceriaan (Warburton, 1992). Teori pelaziman tingkah laku (Skinner, 1990) menjelaskan bahawa sesuatu perbuatan yang mendatangkan ganjaran atau yang dapat memuaskan sesuatu keperluan akan mendorong perbuatan itu diulangi. Jika merokok dapat menonjolkan sifat berani dan unik, maka remaja akan mengulangnya, dan mereka akan mengubah tingkah laku untuk menarik perhatian. Sebaliknya jika perbuatan merokok itu mendapat hukuman dan cemoahan, maka perbuatan itu akan disingkirkan.

Teori psikoanalitik (Freud) menjelaskan sesuatu perbuatan itu adalah untuk menonjolkan kelebihan diri atau untuk menutup kelemahan diri. Misalnya, individu yang kurang ketinggiannya cuba bersikap berani dalam banyak perkara - orang ini dikatakan mempunyai ego terbantut (*underdeveloped ego*), dan biasanya bertindak emosional. Sebaliknya, individu yang mempunyai kelebihan diri akan menonjolkan dengan bangganya kelebihan itu, umpamanya orang kaya akan menghisap rokok atau cerut yang mahal. Ini dikatakan ego lampau (*superego*).

### **Sosiologi Merokok**

Banyak kajian yang dibuat di negara-negara lain tentang kelakuan merokok dan kaedah mencegah merokok di kalangan remaja telah mengakibatkan kemunculan dua teori yang boleh menjelaskan faktor dorongan untuk menghisap rokok. Masih dalam paradigma psikologi, dua teori itu ialah teori pengaruh sosial normatif dan teori pengaruh sosial informatif.

Teori pengaruh sosial normatif menjelaskan bahawa remaja mempunyai perkumpulan mereka yang bertindak menurut konsensus yang ditetapkan oleh kumpulan. Misalnya, perkumpulan remaja Melayu mempunyai nilai, sikap, dan tindakan yang berbeza daripada perkumpulan remaja Cina, India, dan lain-lain keturunan.



Rajah 1. Fasa perkembangan am merokok

Sumber: Sufean Hussin. (2004). Merokok di Kalangan Remaja Malaysia, ms. 52. Kuala Lumpur: Karisma Publications

Setiap perkumpulan mempunyai norma dan kepercayaan yang tersendiri. Namun demikian, dalam setiap perkumpulan, individu-individu memaparkan tindakan-tindakan yang membayangkan keberanian bagi mendapatkan populariti dan penghormatan. Semua orang dalam perkumpulan mematuhi kehendak perkumpulan (*group demands*), dan sesiapa yang enggan akan diketepikan oleh ahli kumpulan yang lain atau digelar pengecut. Misalnya, jika perkumpulan menetapkan menghisap rokok adalah satu daripada norma dalam budaya perkumpulan, maka semua ahli akan menghisap rokok (Larkin, 1979; Johnson, 1980; Lewis & Lewis, 1984; Wills, 1985). Kekurangan kemahiran menolak tuntutan rakan untuk merokok merupakan faktor penting yang menyebabkan remaja terpaksa merokok (Hos & rakan, 1986; Reardon, Sussman, & Flay, 1989).

Menurut Sussman dan rakan (1995), teori pengaruh sosial normatif terserlah kesahannya dalam beberapa keadaan:

- Tingkah laku yang jelas nyata diperlukan oleh perkumpulan
- Ganjaran atau pujian bagi akur pada kehendak perkumpulan
- Natiyah negatif bagi sesiapa yang ingkar
- Kurang pengetahuan tentang kesan tindak-tanduk mereka
- Setiap individu menonjolkan kemahiran bercakap dan bercerita

Satu lagi teori sosiologi ialah teori pengaruh sosial informatif yang menjelaskan bahawa remaja dalam proses pembinaan identiti mengumpul pelbagai maklumat tentang persekitaran mereka, personaliti idola mereka, dan tentang hal ehwal diri mereka. Maklumat yang diperoleh dikongsi bersama-sama rakan dan ia membentuk bank maklumat (*information bank*) bagi kumpulan. Perkumpulan individu membina imejimej yang mereka gemari. Bagi hal merokok, mereka terpicat dengan imej kebebasan, gaya unik, berani, ranggi, dan tahan lasak (Eiser, 1980; Eiser, 1985; Chassin & rakan 1985; Collins & rakan 1987; Chassin, Presson, & Sherman, 1990; Gottlieb, 1985; Hall & Wellman, 1985).

Kedua-dua teori berkenaan masih terbatas dalam menjelaskan tingkah laku merokok dalam konteks sosiobudaya, dan ia juga terbatas untuk peringkat induksi dalam perkembangan merokok. Dengan demikian, kelakuan merokok dan kesannya wajar ditinjau dan dikupas secara lebih meluas lagi, dan caranya ialah dengan melihat merokok sebagai satu kelakuan devian sosial. Devian bermakna tabiat yang terkeluar daripada norma moral dan undang-undang, dan orang devian merupakan satu gangguan kepada kesejahteraan masyarakat sehingga mereka perlu dipulihkan atau diperbetulkan kelakuan mereka.

Dalam hal perokok remaja, tahap deviannya tidaklah seburuk stigmanya seperti perbuatan jenayah lain yang memerlukan mahkamah menjatuhkan hukum. Oleh itu, perokok remaja boleh dikelaskan sebagai golongan delinkuen, iaitu orang bawah umur yang melakukan kesalahan kecil. Apa yang berlaku terhadap perokok remaja ialah mereka perlu didisiplinkan oleh institusi keluarga atau sekolah. Walau bagaimanapun, penjelasan teoretikal bagi perokok remaja adalah mirip penjelasannya bagi kelakuan devian seperti mabuk dan salah guna dadah. Berlandaskan premis ini, maka terdapat beberapa teori sosiologi lain yang lebih luas penjelasannya terhadap merokok sebagai gejala sosial. Regoli dan Hewitt (2000) mengemukakan satu skema yang agak terperinci tentang teoriteori yang relevan, seperti dalam Jaduall berikut.

**Jadual 1.** Teori-teori Delinkuen Sosial dan Aplikasi Polisi Pembetulan

Teori	Hujah Asas	Aplikasi Polisi
Teori elemen ghaib ( <i>supernatural theory</i> )	Merokok disebabkan oleh kerasukan kuasa dan semangat ghaib dalam diri seseorang	Hukuman dengan rotan atau siksa untuk menghalau keluar kuasa dan semangat ghaib dan untuk membersihkan kekotoran dalam diri
Teori neoklasik	Remaja berani merokok sebab mereka menjangkakan lebih berfaedah untuk mencabar norma dan peraturan yang ada daripada akur dengannya	Program kaunseling dan kem disiplin
Teori biologi	Merokok disebabkan oleh keadaan biologi remaja, contohnya mewarisi ketagihan dari ibu	Ubat mencegah merokok
Teori psikoanalitik	Merokok disebabkan oleh superego yang rendah atau tinggi	Terapi psikoanalitik, iaitu meneliti perkembangan peribadi dan memperbaikinya bertahap-tahap
Teori tingkah laku	Merokok ialah respon yang dipelajari dan diperkukuhkan oleh galakan dan ganjaran	Terapi gencatan (cessation) dan deprivasi merokok, disertai pencegahan iklan rokok
Teori pembelajaran sosial	Remaja mempelajari kelakuan merokok daripada orang yang dia berinteraksi di sekitarnya	Kempen-kempen anti-merokok dalam media massa
Teori ketidaktentuan organisasi sosial	Perpecahan keluarga atau perubahan struktur komuniti menyebabkan kelemahan pengawalan dan ketiadaan mekanisme menentang ancaman rokok	Program kejiranan komuniti, kempen komuniti dan keluarga sihat
Teori keregangan hubungan ( <i>strain theory</i> )	Perasaan berkecamuk dan keliru akibat pelbagai imej dan nilai, dan remaja tidak dinasihati dengan jelas situasi benar	Larangan pengiklanan rokok dalam media massa
Teori kawalan sosial	Remaja yang berasa terpinggir dan tidak dihargai mudah bertindak liar dan tiada disiplin	Kempen-kempen sayangi keluarga dan anak-anak, dan rakan remaja
Teori pelabelan	Masyarakat menghina perokok remaja sebagai orang tidak beradab dan golongan kelas bawahan. Label ini adalah prasangka yang direalisasikan	Pameran tentang sejarah penggunaan tembakau dan kesannya. Fakta dan rajah lebih berkesan berbanding cemuhan
Teori konflik	Merokok disebabkan konflik perbezaan status, kuasa, dan keistimewaan antara jantina dan fasa kehidupan	Pameran kepelbagaian penggunaan tembakau dan rokok

Setiap teori mempunyai kebenarannya tersendiri dalam konteks tertentu, dan dengan demikian sesuatu teori tidak bersifat mutlak dalam menjelaskan fenomena merokok. Orang merokok mempunyai pelbagai sebab yang menjadikan ia suka merokok dan terns merokok. Bahagian berikut menjelaskan sebab-sebab remaja Malaysia merokok, hasil daripada kajian yang telah dijalankan.

### KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan berteraskan teori psikologi dan teori sosiologi. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan (*survey*) dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 7,499 orang perokok remaja yang berumur di antara 12 hingga 17+ tahun yang dikenal pasti oleh guru kaunseling sekolah di Semenanjung Malaysia. Item-item soal selidik telah dibina sebanyak 29 item bagi menyoal mengenai perkara yang mendorong pengisapan rokok. Tahap sebab itu dimarkatkan dari '1 = tidak langsung menjadi sebab' kepada '5 = sangat tinggi sebagai sebab.'

### HASIL KAJIAN

Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis data mengenai sebab merokok, dan perbincangan seterusnya adalah berdasarkan jadual ini.

Ada teori psikologi sosial menyatakan bahawa remaja merokok untuk menjadi ranggi, atau berlagak seperti hero, atau kelihatan *macho*. Adakah teori ini benar? Daripada jumlah 7,499 remaja yang ditanya, seramai 5,524 (73.7%) menyatakan bahawa merokok bukanlah sebab hendak tunjuk ranggi, hero, atau *macho*.

Namun demikian, seramai 472 (6.2%) menyatakan sebab demikian sebagai sederhana dan seramai 892 (11.9%) remaja menyatakan sebab itu adalah yang utama sekali mendorong mereka merokok. Secara amnya, oleh kerana skor min (purata) bagi item C 1 ialah 1.78, maka bias jawapan ialah kepada agak tidak bersetuju, dan ini bermakna remaja merokok bukanlah hendak tunjuk berani dan berlagak sebagai hero. Dapatan ini menjelaskan bahawa teori pengaruh sosial normatif atau teori model peranan tidak disokong oleh hampir 75% perokok remaja.

Kebanyakan orang beranggapan bahawa remaja merokok disebabkan oleh pengaruh dan desakan kawan-kawan. Malahan pendapat ini disokong oleh beberapa kajian di luar negara, tetapi adakah ini memang benar? Kajian ini mendapati bahawa seramai 3,875 (51.7%) remaja menyatakan bahawa desakan kawan-kawan bukanlah sebab yang mengakibatkan mereka merokok.

Seramai 1,614 (21.5%) remaja pula mengakui bahawa pengaruh rakan adalah pada aras sederhana, dan seramai 1,867 (14.0%) pula bersetuju rakan-rakan kuat mempengaruhi mereka merokok. Skor min ialah 2.47, dan ini bermakna bahawa amnya pengaruh rakan merupakan sebab yang sederhana penting. Dengan demikian, teori pengaruh sosial informatif di sokong oleh sebahagian remaja sahaja, sementara yang sebahagian lain pula tidak menyokong teori ini.

Apakah yang boleh dilakukan untuk melemahkan kesan pengaruh rakan-rakan? Beberapa kajian lalu mendapati bahawa keluarga boleh bertindak sebagai penghalang kepada kelakuan merokok. Tetapi bagaimana pula jika ada ahli keluarga seperti bapa dan abang yang merokok? Maka alternatif yang berkesan sebarannya ialah siaran-siaran televisyen yang memaparkan kesan merokok terhadap fisiologi dan persekitaran.

Dari segi sosiobudaya, remaja merokok disebabkan mereka ingin menjadi dewasa dan ingin mempunyai keistimewaan sebagai orang dewasa yang boleh memikul pelbagai peranan dalam masyarakat. Remaja yang merokok membayangkan ketaksabaran ingin

jadi dewasa. Kajian mendapati seramai 4,548 (60.6%) remaja menyatakan bahawa mereka merokok bukanlah untuk menjadi dewasa, sementara 1,280 (17.1 %) menyatakan bahawa ini adalah sebab sederhana, dan seramai 1,518 (10.4%) remaja menyatakan bahawa memang sungguh benar mereka merokok kerana ingin menunjukkan kedewasaan mereka. Skor min ialah 2.17, iaitu keinginanjadi dewasa merupakan sebab yang kecil. Oleh yang demikian, teori pengaruh sosial informatif dan teori pembelajaran sosial hanya disokong oleh satu per empat daripada jumlah remaja.

**Jadual 2.** Bilangan dan Peratus Respon Tentang Sebab Merokok

Item	Bilangan dan Peratus Respon						Min
	1	2	3	4	5	TJ	
C1: Menjadi <i>macho/hero</i>	4528 (60.4%)	996 (13.3%)	931 (12.4%)	415 (5.5%)	477 (6.4%)	152 (2.0%)	1.78
C2: Dipengaruhi kawan	2411 (32.2%)	1464 (19.5%)	1614 (21.5%)	958 (12.8%)	909 (12.1%)	143 (1.9%)	2.47
C3: Ingin jadi dewasa	3345 (44.6%)	1203 (16.0%)	1280 (17.1%)	885 (11.8%)	633 (8.4%)	153 (2.0%)	2.17
C4: Seseorang dalam keluarga merokok	3814 (50.9%)	1050 (14.0%)	963 (12.8%)	814 (10.9%)	704 (9.4%)	154 (2.1%)	2.08
C5: Berasa <i>cool</i> dan unik	2889 (38.5%)	1310 (17.5%)	1246 (16.6%)	886 (11.8%)	1012 (13.5%)	156 (2.1%)	2.38
C6: Berasa tertekan/stress	2492 (33.2%)	1031 (13.7%)	1141 (15.2%)	1201 (16.0%)	1485 (19.8%)	149 (2.0%)	2.69
C7: Trend glamour pada remaja masa kini	3339 (44.5%)	1341 (17.9%)	1123 (15.0%)	786 (10.5%)	755 (10.1%)	155 (2.1%)	2.17
C8: Merokok suka-suka	2021 (27.0%)	1551 (20.7%)	1564 (20.9%)	1127 (15.0%)	1088 (14.5%)	148 (2.0%)	2.64
C9: Hilangkan bosan	1754 (23.4%)	1023 (13.6%)	1450 (19.3%)	1465 (19.5%)	1660 (22.1%)	147 (2.0%)	2.98
C10: Tunjuk berani	4596 (61.3%)	1147 (15.3%)	803 (10.7%)	379 (5.1%)	413 (5.5%)	161 (2.1%)	1.72
C11: Kurangkan makan	5051 (67.4%)	985 (13.1%)	581 (7.7%)	335 (4.5%)	394 (5.3%)	153 (2.0%)	1.61
C12: Dipengaruhi oleh iklan	4863 (64.9%)	1159 (15.5%)	638 (8.5%)	319 (4.3%)	368 (4.9%)	152 (2.0%)	1.63
C13: Untuk diterima rakan dalam kumpulan	5526 (73.7%)	790 (10.5%)	472 (6.3%)	283 (3.8%)	275 (3.7%)	153 (2.0%)	1.47
C14: Ibu bapa tidak ambil peduli	4710 (62.8%)	840 (11.2%)	658 (8.8%)	498 (6.6%)	633 (8.4%)	160 (2.1%)	1.80
C15: Mendapatkan nikmat rokok	2355 (31.4%)	1657 (22.1%)	1564 (20.9%)	839 (11.2%)	936 (12.5%)	148 (2.0%)	2.45

Item	Bilangan dan Peratus Respon						TJ	Min
	1	2	3	4	5			
C16: Tidak ketahui bahaya merokok	3145 (41.9%)	1289 (17.2%)	1267 (16.9%)	766 (10.2%)	884 (11.8%)	148 (2.0%)	2.27	
C17: Sudah menjadi ketagih	2822 (37.6%)	1425 (19.0%)	1269 (16.9%)	852 (11.4%)	979 (13.1%)	152 (2.0%)	2.37	
C18: Rokok mudah dibeli	2079 (27.7%)	1576 (21.0%)	1391 (18.5%)	1055 (14.1%)	1253 (16.7%)	145 (1.9%)	2.65	
C19: Ramai orang di sekitar masyarakat merokok	2583 (34.4%)	1474 (19.7%)	1335 (17.8%)	956 (12.7%)	998 (13.3%)	152 (2.0%)	2.45	
C20: Untuk berjaga waktu malam	2939 (39.2%)	1087 (14.5%)	1070 (14.3%)	1018 (13.6%)	1235 (16.5%)	150 (2.0%)	2.48	
C21: Tiada siapa menghalang hisap rokok	4413 (58.8%)	1027 (13.7%)	786 (10.5%)	472 (6.3%)	643 (8.6%)	158 (2.1%)	1.86	
C22: Merokok tidak salah dari segi moral	3025 (40.3%)	1489 (19.9%)	1270 (16.9%)	802 (10.7%)	760 (10.1%)	153 (2.0%)	2.24	
C23: Merokok sebagai imej kebebasan	3292 (43.9%)	1311 (17.5%)	1204 (16.1%)	767 (10.2%)	770 (10.3%)	155 (2.1%)	2.19	
C24: Teman wanita/lelaki yang merokok	5748 (76.7%)	445 (5.9%)	412 (5.5%)	311 (4.1%)	419 (5.6%)	164 (2.2%)	1.50	
C25: Ramai di siberkafe/disko merokok	4346 (58.0%)	859 (11.5%)	780 (10.4%)	573 (7.6%)	786 (10.5%)	155 (2.1%)	1.95	
C26: Merokok lumrah dalam masyarakat	2253 (30.0%)	1574 (21.0%)	1382 (18.4%)	1058 (14.1%)	1078 (14.4%)	154 (2.1%)	2.56	
C27: Hilangkan kesunyian dan kebosanan	1915 (25.5%)	1014 (13.5%)	1252 (16.7%)	1190 (15.9%)	1649 (22.0%)	476 (6.4%)	2.76	
C28: Menunjukkan keingkar dan mencabar keluarga	5012 (66.8%)	951 (12.7%)	553 (7.4%)	448 (6.0%)	376 (5.0%)	59 (2.1%)	1.63	
C29: Ada seseorang dalam keluarga yang sering menyuruh beli rokok	3988 (53.2%)	1381 (18.4%)	956 (12.7%)	474 (6.3%)	572 (7.6%)	128 (1.7%)	1.92	

Satu keputusan kajian yang menarik perhatian, iaitu seramai 4,864 (64.9%) remaja menyatakan kehadiran perokok di dalam keluarga bukan menjadi sebab utama mereka merokok. Walau bagaimanapun, seramai 963 (12.8%) remaja menyatakan sebab tersebut pada aras sederhana, dan selebihnya 1,518 (20.3%) remaja berpendapat bahawa kehadiran perokok di dalam keluarga memang menjadi sebab utama mereka merokok. Ini bermakna hampir satu per tiga bilangan remaja bersetuju bahawa bapa atau abang yang merokok boleh mendorong mereka merokok. Mereka mungkin menganggap bahawa kalau bapa atau abang merokok, maka tidak salah mereka merokok, iaitu orang dewasa yang merokok menjadi teladan bagi remaja. Dalam hal ini, teori tingkah laku, teori meniru, dan teori pembelajaran sosial adalah benar pada sebahagiannya sahaja.

Sebagai menyelami sikap remaja dengan lebih mendalam lagi, seramai 4,199 (56.0%) menyatakan bahawa keinginan kelihatan unik dan tenang (*cool and unique*)

bukanlah perkara yang menyebabkan mereka merokok, sementara seramai 1,246 (16.6%) remaja menyifatkan sebab itu sebagai sederhana, dan 1,898 (25.3%) remaja menyatakan memang keinginan untuk kelihatan unik dan tenang menjadi sebab utama mereka merokok. Memandangkan skor min ialah 2.38, maka sebab sedemikian adalah sederhana penting. Justeru, dapatan kajian ini menyokong pada sebahagian kecilnya teori psikoanalitikal yang menyatakan bahawa perasaan unik dan nyaman adalah akibat superego terbantut atau superego melampau.

Adakah tekanan (*stress*) merupakan sebab kritikal yang mendorong remaja merokok? Kajian ini mendapati bahawa seramai 3,523 (46.9%) perokok remaja menafikan bahawa tekanan perasaan adalah sebabnya, sementara seramai 1,141 (15.2%) meletakkan sebab itu pada aras sederhana, dan 2,686 (35.8%) remaja menyatakan tekanan sebagai sebab paling utama. Skor min bagi sebab ini ialah 2.69, dan ini bermakna bahawa sebab tekanan perasaan adalah agak penting sebagai perkara yang mendorong remaja untuk merokok.

Sebagai perhatian penting, tekanan amat jarang dinyatakan dalam mana-mana bahan rujukan sebagai perkara penting dalam kelakuan merokok di kalangan remaja, cuma orang dewasa yang bekerja yang menyatakan bahawa mereka merokok untuk meredakan tekanan perasaan. Justeru, dapatan ini agak luar biasa sedikit bagi golongan remaja; oleh itu, kritikan stereotaip terhadap sebab-sebab remaja merokok harus dihindari.

Tekanan ialah satu keadaan psikologi yang mengganggu emosi dan keseimbangan mental seseorang individu. Remaja mas a kini hidup dalam dunia yang penuh cabaran yang mempunyai permintaan, jangkaan, peranan, standard, dan norma yang pelbagai, dan ini boleh menimbulkan tekanan, khususnya di kalangan remaja di bandar-bandar besar dan yang masih bersekolah. Tekanan sebegini mendorong remaja mencari jalan keluar dengan cara-cara tertentu termasuklah melepak dan merokok dengan kawankawan. Secara amnya, dapatan kajian ini menunjukkan ketepatan teori ketidakpastian sosial dalam menjelaskan peningkatan jumlah remaja yang merokok. khususnya remaja perempuan.

Merokok merupakan trend ramai remaja mas a kini. Adakah remaja sekarang taksud dengan perubahan trend-trend (*trend conscious*)? Seramai 4,680 (62.4%) remaja menyangkal bahawa mereka merokok disebabkan hendak mengikut trend, sementara 1,123 (15.0%) agak bersetuju, dan 1,541 (26.1%) remaja menyatakan amat setuju. Skor min bagi hal ini ialah 2.17, iaitu secara amnya sebab mengikut trend tidaklah penting. Dengan demikian, hanya dua per lima remaja Malaysia menyokong teori psikoanalitik dan teori pengaruh sosial informatif.

Banyak iklan rokok memaparkan keseronokan merokok. Adakah remaja merokok sebab hendakkan keseronokan? Hampir separuh (47.0%) remaja berpendapat mereka merokok bukan kerana seronok-seronok hendak hisap rokok, sementara 29.5% remaja menyatakan merokok sekadar suka-suka, dan 20.9% yang lain menyatakan sebab tersebut pada aras sederhana. Skor min bagi perkara ini ialah 2.64, dan ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada jumlah remaja adalah perokok serius, dan separuh yang lain merokok kerana suka-suka. Justeru itu, wujud satu teori baru, iaitu teori empati sosial, yang menyatakan bahawa orang melakukan sesuatu perkara kerana ingin menyelami atau menghayati mentaliti dan sikap orang lain dalam sesuatu keadaan, dan seterusnya menzahirkan semangat saling memahami agar dapat diterima dalam perkumpulan yang

radikal dan mencabar.

Adakah kebosanan menjadi sebab penting bagi remaja merokok? Jawapan remaja ialah "ya," dan ini sesuatu yang di luar jangkaan. Seramai 3,125 (41.6%) remaja menyatakan kebosanan sebagai sebab yang kuat bagi menghisap rokok, dan seramai 1,450 (19.5%) pula menyatakan sebab itu sebagai sederhana. Walau bagaimanapun, seramai 2,777 (37.0%) remaja menyatakan bahawa kebosanan bukanlah sebab penting bagi mereka merokok. Skor min ialah 2.98, iaitu ke arah aras sederhana setuju, dan ini menunjukkan bahawa kebosanan merupakan sebab yang agak berpengaruh untuk mendorong remaja untuk merokok.

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa merokok ialah cara untuk remaja menghilangkan kebosanan dengan situasi hidup mereka saban hari. Tiada cara lain yang lebih mencabar dan menyeronokkan untuk mereka lakukan. Dapatan ini menonjolkan satu teori lain iaitu teori neoklasik yang menyatakan bahawa remaja melakukan sesuatu perbuatan kontroversial (seperti merokok) kerana mereka merasa adalah lebih berfaedah bagi mereka mencabar cara hidup yang membosankan atau norma sosial yang tidak bermakna.

Keberanian adalah satu ciri yang perlu untuk melakukan sesuatu yang luar biasa. Adakah remaja merokok untuk berani? Seramai 5,743 (76.6%) remaja menyatakan mereka merokok bukan untuk menunjukkan keberanian dalam kelakuan mereka. Hanya seramai 792 (10.6%) remaja menyatakan hendak tunjuk berani sebagai sebab utama dan 803 (10.7%) remaja agak bersetuju dengan sebab itu. Keputusan kajian ini hampir serupa dengan keputusan perihal inginjadi hero atau *macho*. Ini bermakna bahawa keputusan ini kurang menyokong teori pengaruh sosial informatif dan teori psikoanalitik.

Ada remaja perempuan berpendapat bahawa merokok boleh mengurangkan keinginan nafsu makan, oleh itu ini membantu mengurangkan berat badan, dan selain itu merokok boleh membuat seseorang kelihatan seksi dan sofistikated. Bagaimana dengan keputusan kajian? Hanya seramai 729 (9.8%) remaja sangat bersetuju dengan sebab merokok untuk mengurangkan berat badan, sementara seramai 6,036 (80.5%) remaja menyatakan bahawa sebab ini tidak berasas.

Masyarakat mempunyai tanggapan bahawa satu faktor penting yang menyebabkan remaja merokok ialah pengaruh iklan, sarna ada secara langsung atau tidak langsung. Kalau di Malaysia, cara yang tidak langsung adalah berupa iklan di televisyen tentang baju atau tajaan bola sepak; dan kalau secara langsung iklan poster-poster rokok di kedai-kedai dan restoran-restoran. Adakah iklan benar-benar satu pendorong penting? Daripada kajian ini, seramai 6,022 (80.4%) remaja menyatakan iklan bukanlah sebab yang mendorong mereka untuk merokok. Hanya sebilangan kecil sahaja, iaitu 687 (9.2%) yang menyatakan bahawa iklan mempengaruhi mereka merokok. Dapatan ini menyangkal teori meniru (*emulation*), teori model peranan, teori regangan, atau teori pembelajaran so sial.

Penerimaan dalam sesuatu kumpulan rakan sebaya dikatakan sebagai sebab penting yang mencetuskan keinginan merokok. Adakah hal ini benar? Jawapannya tidak seperti yang dijangkakan. Majoriti remaja iaitu 6,316 (84.2%) menyangkal atau tidak bersetuju bahawa penerimaan rakan sebaya adalah sebab yang mendorong remaja merokok. Hanya seramai 558 (7.5%) menyatakan penerimaan rakan sebaya sebagai sebab yang kuat untuk merokok, dan 472 (6.3%) menyatakan sebagai sebab sederhana. Fakta ini bermakna merokok atau tidak bukannya dasar dalam berkawan, iaitu rakan-rakan yang tidak merokok boleh menerima orang yang merokok dalam perkumpulan. Justeru itu,

dapatan kajian ini mempersoalkan kesahihan teori pengaruh sosial normatif.

Selanjutnya terdapat sangkaan bahawa ibu bapa yang bersikap tidak peduli boleh memberi kebebasan kepada remaja untuk merokok. Adakah ini benar? Kajian ini mendapati seramai 5,550 (74.0%) menyatakan sikap tidak peduli ibu bapa bukannya sebab untuk mereka merokok. Ini bermakna ibu bapa ambil berat dan menegur kelakuan merokok anak remaja mereka. Walau bagaimanapun, seramai 1,131 (15.0%) remaja menyatakan bahawa sikap tidak peduli ibu bapa menyebabkan mereka rasa bebas untuk merokok. Ibu bapa tidak menegur mereka merokok. Tambahan lagi, seramai 658 (8.8%) remaja menyatakan sebab demikian pada kadar sederhana sahaja. Dapatan kajian ini menampilkan kesahihan teori kawalan sosial, iaitu kawalan ibu bapa dan komuniti adalah penting dalam proses menangani gejala remaja yang merokok.

Perokok sering menyatakan bahawa rokok mempunyai nikmatnya sendiri, seperti juga dengan minuman yang memabukkan, atau muzik yang mengkhayalkan. Adakah remaja merokok kerana ingin merasakan nikmat rokok? Sejumlah 3,339 (44.6%) remaja menyatakan merokok kerana ingin merasakan nikmatnya, dan sebaliknya seramai 4,012 (53.5%) remaja menafikan mereka merokok untuk menikmati rasa rokok. Skor min bagi sebab ini ialah 2.45, iaitu elemen nikmat secara amnya boleh mendorong sebahagian remaja untuk cuba merokok. Dapatan kajian ini menunjukkan kesahihan pada sebahagianya teori hedonistik klasik. Sekali lagi sebab hedonistik amat jarang dinyatakan oleh para pengkaji lalu sebagai faktor pendorong bagi remaja merokok.

Sejak dekad 1970-an, kajian-kajian saintifik mendapati merokok mempunyai risikonya. Adakah kekurangan maklumat tentang bahaya merokok menjadi sebab untuk orang muda dalam masyarakat Malaysia merokok? Daripada kajian didapati bahawa seramai 1,650 (22.0%) remaja menyatakan bahawa ketiadaan pengetahuan tentang bahaya merokok menjadi sebab yang kuat untuk mereka merokok, sementara 1,267 (16.9%) remaja menyatakan sebagai sebab sederhana. Tetapi, seramai 4,434 (59.1%) remaja menyatakan ketiadaan pengetahuan tentang bahaya merokok bukan menjadi sebab mereka merokok, iaitu mereka mungkin tahu tetapi terns merokok atau mereka merokok atas sebab-sebab lain. Secara amnya, dua per lima (2/5) daripada jumlah remaja menyatakan bahawa ketiadaan pengetahuan tentang bahaya merokok dari segi kesihatan menyebabkan mereka ingin dan terns merokok.

Implikasinya ialah lebih banyak makalah atau buletin perlu diedarkan oleh Kementerian Kesihatan kepada remaja tentang kesan-kesan negatif merokok. Seperkara lain, faktor ketiadaan pengetahuan tentang bahaya merokok sangat jarang dijadikan topik kajian dalam bidang sosiologi dan pendidikan. Di sini muncul satu teori barn iaitu teori defisit ilmu (*ignorance*) yang menjelaskan bahawa seseorang pengguna yang tidak tahu tentang bahaya sesuatu produk akan terns menggunakan produk tersebut. Perkara seumpama teori ini sangat sering berlaku dalam masyarakat, dan orang akan berubah kelakuan mereka sekiranya mereka tahu tentang kesan negatif sesuatu barangan. Namun, bagi mereka yang tahu tetapi terns tidak berubah, maka itu adalah pilihan mereka.

Keseringan merokok boleh menyebabkan ketagihan. Apakah pendapat remaja? Didapati seramai 1,831 (24.5%) remaja menyatakan ketagihan menyebabkan mereka merokok atau terns merokok, sementara 1,269 (16.1 %) remaja sederhana setuju dengan sebab tersebut. Sebaliknya, 4,247 (56.6%) remaja amat tidak bersetuju bahawa ketagihan adalah sebab mereka merokok. Dapatan ini bermakna bahawa anggaran 40.0% remaja adalah perokok terbiasa (*habitual smokers*) di mana separuh daripadanya sudah merasakan

mereka sudah ketagih dengan rokok. Dapatan ini juga agak menyokong teori tingkah laku yang menjelaskan bahawa sesuatu kelakuan (seperti merokok) yang mendatangkan ganjaran yang menyeronokkan akan mendorong remaja terus-terusan menunjukkan kelakuan itu.

Terdapat pandangan lumrah bahawa rokok mudah dibeli, dan ini merupakan elemen yang boleh menyebabkan ramai remaja cuba merokok. Adakah ini benar? Kajian ini mendapati bahawa secara amnya pandangan ini adalah sederhana benar. Seramai 2,308 (30.8%) remaja menyatakan bahawa mereka mudah membeli rokok dan kedai-kedai dan perkara ini mendorong mereka merokok, sementara 1,391 (18.5%) remaja agak bersetuju dengan perkara ini. Sebaliknya, seramai 3,654 (48.7%) tidak bersetuju dengan sebab tersebut; oleh itu, ada sebab-sebab lain yang lebih penting lagi daripada sebab kedai mudah menjual rokok. Secara amnya, hampir separuh bilangan remaja menuding jari kepada pekedai sebagai sebab untuk mendorong mereka merokok.

Sememangnya secara undang-undang dinyatakan bahawa remaja bawah umur 18 tahun tidak boleh membeli rokok dan pekedai dilarang menjual rokok kepada mereka. Walau bagaimanapun, ada pelbagai cara dan alasan bagi remaja mendapatkan rokok, contohnya melalui rakan yang lebih dewasa membeli rokok atau mendapatkan melalui kedai-kedai tertentu. Justeru itu, dapatan kajian ini hanya separuh menyokong kesahihan teori kawalan sosial sebagai cara mengurangkan sesuatu gejala.

Telah dinyatakan bahawa kelakuan merokok adalah fenomena lumrah dalam masyarakat. Adakah ini menjadi elemen yang menyebabkan remaja merokok? Kajian ini mendapati bahawa 25% remaja amat bersetuju dengan sebab tersebut, sementara seramai 1,335 (17.8%) remaja agak bersetuju. Walau bagaimanapun, seramai 4,057 (54.1%) remaja tidak bersetuju dengan sebab tersebut. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa merokok sebagai satu fenomena sosiobudaya mempengaruhi dua per lima (2/5) remaja dalam masyarakat untuk merokok. Ini bermakna bahawa merokok ialah kelakuan yang tidak salah dari segi moralnya; jika orang dewasa boleh merokok, maka remaja pun boleh merokok. Kelakuan merokok ialah satu lambang dan laluan budaya ke arah menjadi dewasa (*rite a/passage*). Dan secara amnya, dapatan kajian ini menyokong pada sebahagiannya kesahihan teori pembelajaran sosial dan teori meniru.

Satu tabiat yang biasa kita lihat sekarang ini ialah remaja suka berkumpul di waktu malam di temp at-temp at tertentu seperti di siberkafe, di warung-warung, dan di pasaraya. Adakah ini elemen yang menyebabkan remaja merokok? Seramai 2,253 atau 30.1 % remaja amat bersetuju dengan sebab ini sebagai mendorong mereka untuk merokok, dan seramai 1,070 (14.3%) pula agak bersetuju. Sebaliknya, 4,026 (53.7%) remaja menyangkal bahawa berfoya-foya dengan rakan di waktu malam sebagai sebab untuk mendorong mereka merokok. Namun secara amnya, sebab berfoya ini adalah sederhana penting dalam kegiatan merokok di kalangan remaja.

Dan segi bahan rujukan, berfoya-foya di waktu malam jarang sekali disebutkan sebagai sebab merokok walaupun ada pendapat yang menyatakan merokok boleh menghilangkan mengantuk. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa kurang separuh (44.4%) remaja menyokong teori fungsian, di mana teori ini menjelaskan bahawa merokok mempunyai fungsi berfoya-foya dan fungsi mencegah mengantuk. Satu lagi elemen yang boleh mengurangkan kelakuan merokok, iaitu nasihat dan larangan daripada orang dewasa kepada orang muda supaya jangan merokok. Adakah kurangnya nasihat dan larangan daripada orang dewasa menjadi sebab untuk remaja

merokok? Kajian mendapati seramai 1,115 (14.9%) remaja amat bersetuju bahawa tiadanya nasihat dan teguran dari orang tua menyebabkan mereka merokok, dan 786 (10.5%) remaja agak bersetuju. Namun seramai 5,440 (72.5%) remaja tidak bersetuju dengan sebab itu; bukanlah urusan orang lain untuk mendorong atau tidak mendorong mereka untuk merokok. Mereka merokok atas sebab-sebab lain, bukannya tiadanya nasihat atau teguran orang tua. Oleh itu, kajian ini mendapati hanya satu per empat (1/4) remaja menyokong teori kawalan sosial, iaitu kekurangan kawalan disiplin dalam masyarakat menyebabkan orang membuat sesuatu perkara sesuka hati mereka. Perkara ini mungkin boleh dibuat di dalam komuniti kampung, tetapi di bandar-bandar tiada siapa berani hendak tegur dan nasihat para remaja yang merokok.

Bersabit dengan isu moral yang telah disebutkan terdahulu, apakah pandangan remaja tentang nilai moral merokok? Kajian mendapati bahawa seramai 1,562 (20.5%) remaja menyatakan bahawa merokok tidak salah dari segi moral dan ini menjadi sebab yang kuat untuk mendorong mereka merokok, sementara 1,270 (16.9%) remaja agak bersetuju dengan sebab tersebut. Akan tetapi, seramai 4,514 (60.2%) menyatakan walaupun merokok tidak salah dari segi moral, namun itu bukanlah sebab penting untuk mereka merokok. Dengan kata lain, remaja tetap mahu merokok walaupun ia salah dari segi moral atau undang-undang.

Menurut tanggapan ramai orang, remaja merokok sebab hendakkan imej kebebasan. Adakah ini satu sebab penting bagi remaja merokok? Hanya 1,527 (20.5%) remaja menganggap imej kebebasan sebagai sebab penting untuk mereka merokok, dan 1,204 (16.1%) remaja agak bersetuju dengan sebab tersebut. Namun seramai 4,603 (61.4%) remaja tidak bersetuju bahawa mereka merokok kerana hendakkan imej kebebasan. Secara amanya, tiga per lima (3/5) daripada jumlah remaja menyatakan imej kebebasan tidak penting, dan hanya satu per tiga (1/3) yang merokok kerana harga diri (*self-esteem*) mereka rendah.

Adakah ternan wanita/lelaki mempengaruhi remaja merokok? Sebilangan besar remaja (82.6%) menyatakan bahawa mereka merokok tanpa pengaruh ternan wanita/ lelaki. Hanya 15% remaja bersetuju bahawa ternan wanita/lelaki menyebabkan mereka merokok. Justeru itu, dapatan ini tidak menyokong teori pengaruh rakan (*peer influence*) atau teori empati dalam konteks kelakuan delinkuen.

Ada pendapat menyatakan bahawa siberkafe yang buka 24 jam adalah tempat lepak remaja dan ramai remaja merokok di situ. Kajian ini mendapati bahawa 69.5% remaja menafikan bahawa siberkafe menyebabkan mereka merokok. Hanya 18.1% remaja amat bersetuju dengan sebab tersebut, dan 10.4% agak bersetuju dengan sebab itu. Secara amanya, dapatan kajian ini menunjukkan hanya sebilangan kecil (kurang 1/3) menyatakan siberkafe berperanan penting bagi mendorong mereka merokok. Sebagai perhatian, tidak semua tempat ada siberkafe dan tidak semua remaja pergi ke siberkafe. Mungkin 1/3 jumlah remaja berkenaan yang pernah pergi ke siberkafe, dan sebilangan besarnya tidak kenaI dan tidak pernah pergi ke siberkafe.

Sekali lagi, sebagai menguji ketekalan (*consistency*), pengkaji meminta remaja menjawab sarna ada orang di sekitar mereka mempengaruhi mereka merokok. Seramai separuh menjawab "ya" dan separuh yang lain jawab "tidak." Secara amanya skor min bagi item ini ialah 2.56, dan ini menunjukkan bahawa sebab ini agak penting dalam mendorong remaja untuk merokok. Sekali lagi juga, separuh daripada jumlah remaja yang menyokong kesahihan teori pengaruh sosial normatif, iaitu remaja merokok sebab

orang ramai di sekitar mereka merokok.

Merokok kadang kala merupakan cara remaja melawan norma keluarga. Kajian mendapati bahawa hanya 11.0% remaja yang amat bersetuju bahawa mereka merokok sebab hendak melawan norma keluarga, dan 553 (7.4%) yang agak bersetuju dengan sebab itu. Akan tetapi, sebilangan besar (79.5%) remaja tidak bersetuju, iaitu mereka merokok bukanlah sebab hendak melawan norma keluarga (atau menunjukkan marah pada keluarga). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hanya sebilangan kecil remaja tidak berpuas hati dengan peraturan dalam keluarga, atau mempunyai hubungan yang tegang dalam keluarga, lalu ini menyebabkan mereka merokok.

Satu perkara yang penting di sini, iaitu terdapat bapa yang menyuruh anak-anak pergi ke kedai untuk membeli rokok. Adakah perkara ini boleh mencetuskan kelakuan merokok? Seramai 1,046 (13.9%) remaja amat bersetuju bahawa mereka merokok dengan sebab sedemikian, dan 956 (12.7%) remaja yang agak setuju. Sebaliknya 5,369 (71.6%) remaja tidak bersetuju bahawa mereka merokok sebab bapa atau abang menyuruh mereka pergi ke kedai untuk membeli rokok. Walau bagaimanapun, fakta penting di sini ialah satu per empat (1/4) jumlah perokok remaja yang pernah di suruh oleh bapa atau abang untuk membeli rokok. Di sini muncul teori induksi terus (*direct induction*) yang menjelaskan bahawa sesuatu kelakuan terdapat akibat daripada sesuatu permintaan atau paksaan yang dibiasakan.

### **Markat Kepentingan Sebab-Sebab Merokok**

Sebanyak 29 sebab-musabab merokok telah dikemukakan kepada remaja yang merokok, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12 sebelum ini. Jika diamati 10 sebab utama, maka markat (*rank*) bagi sebab utama yang mendorong remaja untuk merokok adalah seperti snarai berikut. Petunjuk utama bagi pemarkatan ialah skor min yang diberikan dalam kurungan mengikut susunan menurun.

- Merokok untuk menghilangkan kebosanan (2.98)
- Merokok untuk menghilangkan kesepian dan kebosanan (2.76)
- Merokok meredakan tekanan (stress) (2.69)
- Rokok mudah diperolehi atau dibeli (2.65)
- Merokok adalah menyeronokkan (2.64)
- Merokok ialah kelakuan yang lumrah dalam masyarakat (2.56)
- Merokok untuk berjaga hingga lewat malam (2.48)
- Dipengaruhi oleh rakan-rakan (2.47)
- Ramai orang dalam komuniti merokok (2.45)
- Untuk mendapatkan nikmat merokok (2.45)

Sebab-sebab yang paling utama bagi remaja merokok tergolong dalam faktor psikologi, seperti yang dinyatakan sebagai meredakan tekanan dan menghilangkan rasa bosan dan kesepian. Isu psikologi seperti ingin memenuhi keperluan asas seperti kesejahteraan diri salah satunya menjadi penyebab utama, diikuti dengan memenuhi keperluan asas sekunder seseorang individu itu. Dari dapatan yang utama persoalan apakah yang menyebabkan remaja rasa tertekan dan bosan perlu dianalisa dengan teliti. Bagi remaja di bandar-bandar, mungkin ianya disebabkan oleh punca-punca berikut:

- i. Persekolahan - rutin pergi dan balik dari sekolah, iaitu ada yang keluar rumah awal pagi, dan ada yang pulang lewat petang.
- ii. Kerja sekolah buat di rumah - saban hari kena buat latihan pelbagai mata pelajaran di rumah hingga tiada masa untuk bermain atau beriadah.
- iii. Kelas tuisyen - ibu bapa menyuruh anak-anak ke pusat-pusat tuisyen, satu beban tambahan untuk cemerlang dalam peperiksaan.
- iv. Kedua-dua ibu dan bapa pergi kerja - kurang perhatian dan tunjuk ajar daripada ibu dan bapa, dan berasa sunyi duduk di rumah sebelum dan selepas sekolah.
- v. Kekurangan temp at bermain dalam kawasan kejiranan - remaja tidak dapat bermain bola, badminton, atau bola keranjang.

Bagi remaja luar bandar, punca-punca tekanan dan kebosanan adalah seperti yang dinyatakan di atas tadi, tetapi ditambah oleh beberapa perkara lain iaitu:

- i. Membuat kerja kasar untuk keluarga seperti bertani, berkebun, menoreh getah, dan mentemak.
- ii. Keadaan hidup keluarga yang susah; oleh itu kurang dapat menikmati keseronokan material.
- iii. Keluarga yang besar dan kurang privasi.

Faktor kedua yang mendorong kelakuan merokok di kalangan remaja ialah rokok mudah diperolehi atau dibeli, sarna ada di bandar atau di luar bandar. Memang tidak dinafikan bahawa ada pekedai yang tidak menjual rokok kepada remaja, namun ada juga pekedai yang mudah menjual kepada sesiapa jua pun atas dasar bemiaga. Sebagai ahli masyarakat yang prihatin, pekedai-pekedai hendaklah mematuhi undang-undang yang melarang remaja membeli rokok.

Faktor ketiga penting ialah keseronokan kelakuan merokok. Remaja merokok untuk berkumpul atau lepak bersama kawan-kawan, bergurau senda dan bercerita pelbagai hal yang bersangkutan paut dengan alam remaja. Mereka seronok mencuba pelbagai jenama rokok; menghisap rokok pada temp at-temp at rahsia; cabar-mencabar siapa berani hisap rokok di sekolah; meredakan tekanan dan kebosanan di sekolah atau rumah, dan menghisap rokok dengan pelbagai gaya.

Faktor keempat penting ialah kelumrahan (*prevalence*) tabiat merokok dalam masyarakat sekitar, termasuk dalam keluarga. Orang dewasa dalam apa jua kelas dan status sosioekonomi kebanyakannya menghisap rokok. Justeru itu, remaja pada lingkungan umur 16 hingga 18 tahun terikut-ikut cuba merokok untuk berlagak seperti orang dewasa. Mula-mula mereka merokok dua atau tiga batang sehari, kemudian bilangannya meningkat ikut kemampuan mereka membeli.

Faktor kelima ialah persahabatan, iaitu remaja merokok kerana ingin dipengaruhi oleh kawan-kawan yang merokok. Merokok menjadi lambang radikal dan keberanian mencabar norma, dan rokok menjadi elemen empati dan norma kumpulan (*group norm*). Ini sejajar dengan teori pengaruh rakan sebaya (*peer influence theory*).

Faktor keenam penting ialah nikmat merokok (*pleasure of smoking*). Faktor ini penting bagi perokok remaja yang sudah lama menghisap rokok. Waktu yang paling nikmat hisap rokok ialah waktu pagi, selepas makan, dan waktu dingin. Bagi orang yang

\ sudah ketagih pula, waktu paling nikmat merokok ialah selepas beberapa jam tidak dapat merokok. Dan bagi pekerja dan petani, waktu paling nikmat merokok ialah waktu rehat bagi menghilangkan rasa jemu dan penat.

## KESIMPULAN

Kesimpulan keputusan kajian yang dibincangkan sebelum ini adalah terdapat interaksi antara pelbagai sebab yang mendorong remaja untuk merokok, antaranya yang banyak menyentuh tentang aspek psikologi. Tidak ada sebab atau faktor tertentu yang mutlak (100%) atau sangat dominan yang mencetuskan sepenuhnya kelakuan merokok di kalangan remaja. Sesuatu sebab dan faktor saling melengkapi antara satu sama lain. Selain itu, terdapat interaksi atau gabungan beberapa teori yang menjelaskan kelakuan merokok di kalangan remaja, misalnya teori pengaruh sosial informatif bertindan-tindih dengan teori pembelajaran, teori meniru, dan teori kawalan sosial.

Dapatan utama kajian ini ialah sebahagian besar remaja merokok kerana ingin meredakan tekanan dan menghilangkan kesepian dan kebosanan, satu keadaan psikologi di mana diri rasa terkongkong dengan kegiatan-kegiatan rutin, yang kadang kala dirasakan tidak bermakna. Merokok dijadikan sebagai gerakbalas terhadap rangsangan untuk mencari jalan keluar daripada keadaan tertekan dan bosan. Dapatan ini menunjukkan keutamaan teori neoklasikal yang menjelaskan remaja merokok sebagai satu cara yang radikal untuk mencabar rutin kehidupan dan norma masyarakat. Kelakuan mereka merokok mendapat perhatian dan reaksi daripada orang lain dalam masyarakat, iaitu ada orang mencemooh dan ada orang menasihati remaja yang merokok.

Dapatan kajian ini menyangkal tanggapan umum bahawa iklan mempunyai pengaruh yang kuat dalam mendorong remaja untuk merokok. Didapati bahawa faktor psikologi lebih kuat daripada iklan dalam mendesak remaja untuk merokok. Justeru itu, dapatan ini menangkis teori meniru, teori model peranan, dan teori regangan.

Kelumrahan merokok dalam masyarakat Malaysia adalah satu fenomena ketara, seakan-akan merokok ialah satu elemen budaya, dan ini menjadi satu sebab penting yang mempengaruhi remaja untuk merokok. Tindakan remaja untuk merokok merupakan satu cara amalan budaya, iaitu jika orang dewasa merokok, maka remaja boleh cuba-cuba bertindak dan berkelakuan seperti orang dewasa. Justeru itu, dapatan ini menyokong pada sebahagiannya teori meniru dan teori pembelajaran sosial.

Sejajar dengan kelumrahan budaya, maka persepsi remaja ialah merokok bukanlah perkara yang salah dari segi moral, dan ini menjadikan sebab untuk remaja merokok. Dapatan kajian menunjukkan sejumlah satu per tiga (33%) remaja menjadikan ini sebagai alasan untuk mereka merokok. Mereka ini mencabar norma moral yang ada. Dapatan ini agak menyokong teori meniru atau teori pengaruh sosial normatif.

Salah satu lagi sebab remaja merokok ialah untuk berjaga malam, dan sebab ini sangat jarang dinyatakan dalam bahan rujukan tentang merokok. Rokok menjadi bahan yang instrumental untuk fungsi berkawan dan bersembang hingga jauh malam bersama kawan-kawan. Ini bermakna kurang sedikit daripada separuh remaja yang bertindak berlandaskan teori fungsian (*functionalist theory*). Walau bagaimanapun dapatan menunjukkan merokok bukan kriteria utama untuk memilih kawan. Pengaruh rakan sebaya adalah faktor penting yang mendorong remaja untuk merokok. Pengaruh bukanlah bermakna atas dasar paksaan atau desakan, tetapi lebih kepada ingin menjaga hati kawan.

Dapatan kajian menunjukkan juga satu per empat (1/4) daripada jumlah remaja yang merokok menyatakan mereka berasa ketagihan bila tidak merokok. Ketagihan ini tidak mustahil terus berlaku kerana jika berdasarkan teori pelaziman tingkah laku, seseorang individu itu merokok kerana inginkan ganjaran nikmat nikotin dalam rokok, dan ganjaran inilah yang terus-menerus mencetuskan keinginan merokok.

Walau bagaimanapun, adalah masih mudah bagi remaja untuk menyingkirkan tabiat merokok berbanding dengan orang dewasa yang sudah lebih lama menghisap rokok dan lebih serius pula aras ketagihan mereka. Juga masih belum terlalu lewat jika seorang penghisap rokok itu sarna ada remaja atau dewasa untuk berhenti merokok kerana dalam hidup manusia ini setiap rangsangan perlu ada gerakbalas dan gerakbalas akan berterusan jika ada peneguhannya.

Penemuan dari kajian merokok ini boleh dijadikan panduan dalam mengenal pasti punca merokok dan seterusnya bertindak dari perkara tersebut sebagai rangsangan yang diperlukan untuk memulakan hidup tanpa rokok. Kewujudan peneguhan untuk tujuan yang sarna juga dapat dikenal pasti dari penemuan kajian ini. Kajian ini diharap dapat membantu bagi mereka yang terlibat sebagai yang menghisap rokok, atau individu persekitaran yang mahukan sesuatu dilakukan agar merokok bukan penyebab kepada penyakit kronik dalam diri seseorang individu itu.

## **RUJUKAN**

- BATCo. (1993). The psychology of significant moments & peak experiences in cigarette smoking: Underlying motives and semiological significance of smoking. Dimuat turun daripada [www.library.ucsf.edultobaccolbatcolhtml14900/14932](http://www.library.ucsf.edultobaccolbatcolhtml14900/14932).
- Chassin, L. A., Presson, C. c., Sherman, S. J., McLaughlin, C. J., & Gioia, D. (1985). Psychological correlates of adolescent smokeless tobacco use. *Addictive Behaviors, 10*, 431-435.
- Chassin, L. A., Presson, C. c., & Sherman, S. J. (1990). Social psychological contributions to the understanding and prevention of adolescent cigarette smoking. *Personality and Social Psychology Bulletin, 16* (1), 133 -151.
- Collins, L. M., Sussman, S., Mestel-Rauch, J., Dent C. W., Johnson, C. A., Hansen, W. B., & Flay, B. R. (1987). Psychosocial predictors of young adolescent cigarette smoking: A sixteen-month, three-wave longitudinal study. *Journal of Applied Social Psychology, 17*, 554-573.
- Confederation of Malaysian Tobacco Manufacturers (CMTM). (1998). *The tobacco industry: Making significant contributions to Malaysia s economy*. Kuala Lumpur: CMTM.
- Economist Intelligence Unit (1981). *Leaf tobacco: Its contribution to the economic and social development of the Third World*. London: EIU.
- Eiser, J. R. (1980). *Cognitive social psychology: A guidebook to theory and research*. Maidenhead, UK: McGraw-Hill.
- Eiser, J. R. (1985). Smoking: The social learning of an addiction. *Journal of Social and Clinical Psychology, 3*, 446-457.
- Flay, B. R., d' Avernas, J. R., Kersall, M. W., & Ryan, K. B. (1983). Cigarette smoking: Why young people do it and ways of preventing it - The Waterloo Study. Dalam P. Firestone & P. Mcgrath (Ed.), *Pediatric and adolescent behavioral medicine*, (ms.132-183). New York: Springer-Verlag.

- Gottlieb, B. H. (1985). Social networks and social support: An overview of research, practice, and policy implications. *Health Education Quarterly*, 12, 5-22.
- Hall, A., & Wellman, B. (1985). Social networks and social support. Dalam S. Cohen & S. L. Syme (Ed.), *Social support and health* (ms. 23-42). New York: Academic Press.
- Health Education Authority. (1989). *Towards a smoke-free generation*. London: HEA.
- International Union Against Cancer (1982). *A manual on smoking and children*. [UICC Technical Report Series, 73]. Geneva: UICe.
- Johnson, B. D. (1980). Toward a theory of drug subcultures. Dalam D. J. Lettieri, M. Sayers, & H. W. Pearson (Eds.), *Theories on drug abuse*. NIDA Research Monograph 30, ms.110-119.
- Lacchetti, e., Cohen, 1., Ashley, M. 1., Ferrence, R., Bull, S., de Groh, M., & Pederson, L. (2001). Is nicotine dependence related to smokers' support for restrictions on smoking? *Nicotine & Tobacco Research*, 3, 3,257-260.
- Lan Liang & Chaloupka, F. 1. (2002). Differential effects of cigarette price on youth smoking intensity. *Nicotine & Tobacco Research*, 4 (1), 109-114.
- Larkin, R. W. (1979). *Suburban youth in cultural crises*. New York: Oxford University Press.
- Lewis, e. E., & Lewis, M. A. (1984). Peer pressure and risk-taking behaviors in children. *American Journal of Public Health*, 71, 580-584.
- O'Loughlin, J., Kishchuk, N., DiFranza, 1., Tremblay, M., & Paradis, G. (2002). The hardest thing is the habit: A qualitative investigation of adolescent smokers' experience of nicotine dependence. *Nicotine & Tobacco Research*, 4 (2),201-209.
- Proescholdbell, R. J., Chassin, L, & MacKinnon, D. P. (2000). Home smoking restrictions and adolescent smoking. *Nicotine & Tobacco Research*, 2 (2), 159-167.
- Ranson, M. K., Jha, P., Chaloupka, F. J., & Nguyen, S. N. (2002). Global and regional estimates of the effectiveness and cost-effectiveness of price increases and other tobacco control policies. *Nicotine & Tobacco Research*, 4 (3),311-319.
- Reardon, K. K., Sussman, S., & Flay, B. R. (1989). Are we marketing the right message? Can kids really "just say no" to smoking. *Communication Monographs*, 56, 307-324.
- Stahl, M. M. S., Wohlfart, B., & Pahlm, O. (200 1). Tolerability of concurrent use of nicotine gum and smoking in healthy volunteers. *Nicotine & Tobacco Research* 3 (2), 157-165.
- Stem, R. A., Prochaska, 1. R., Velicer, W. F., & Elder, 1. P. (1987). Stages of adolescent cigarette smoking acquisition: Measurement and sample profiles. *Addictive Behaviors*, 12,319-329.
- Sufean Hussin. (2004). *Merokok di kalangan remaja Malaysia* (ms. 52). Kuala Lumpur: Karisma,
- Sussman, S., Dent, e. w., Burton D., Stacy, A. W., & Flay B. R. (1995). *Developing school based tobacco use prevention and cessation programs*. London: Sage.
- U. S. Department of Health and Human Services. (1992). *Smoking and health in the Americas: A 1992 Report of the Surgeon General*. Atlanta, GA: USDHHS.
- Wills, T. A. (1985). Supportive functions of interpersonal relationships. Dalam S. Cohen & S. L. Symes (Ed.), *Social support and health* (ms, 23-42). New York: Academic.
- Zakarian, J. M., Hovell, M. F., Conway, T. L., Hofstetter, C. R., & Slymen, D. J. (2000). Tobacco use and other risk behaviors: Cross-sectional and predictive relationships for adolescent orthodontic patients. *Nicotine & Tobacco Research*, 2 (2), 179-186.